

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

ANGGARAN PENDUDUK SEMASA, MALAYSIA, 2025

MELAKA, PAHANG DAN W.P. KUALA LUMPUR MENYERTAI SEMBILAN LAGI NEGERI MENUA

PUTRAJAYA, 31 Julai 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan statistik berkaitan **Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2025** pada hari ini. Laporan ini memaparkan anggaran penduduk di Malaysia bagi tahun 2024 dan 2025. Anggaran penduduk semasa adalah berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020. Anggaran penduduk ini menggunakan kaedah komponen kohort yang meliputi kelahiran, kematian dan migrasi.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Jumlah penduduk Malaysia pada 2025 dianggarkan 34.2 juta berbanding 34.1 juta pada 2024 dengan kadar pertumbuhan 0.5 peratus. Penduduk Warganegara meningkat daripada 30.7 juta pada 2024 kepada 30.9 juta pada 2025 dengan kadar pertumbuhan menurun daripada 0.7 peratus kepada 0.6 peratus. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan trend yang sama dengan kadar pertumbuhan sebanyak -0.5 peratus pada 2025 berbanding 13.6 peratus pada 2024".

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, "Pada 2025, sebanyak 12 negeri di Malaysia telah mencapai status negeri menua dengan tambahan tiga negeri baharu iaitu Melaka (7.3%), Pahang (7.1%) dan W.P. Kuala Lumpur (7.1%). Perak kekal mendahului dengan peratusan

tertinggi penduduk umur tua (10.3%)". Sesebuah negeri ditakrifkan menua apabila peratusan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas melebihi 7 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk.

Lima negeri iaitu Terengganu (1.2%), Kelantan (1.0%), Pahang (0.6%), Selangor (0.6%) dan Melaka (0.6%) telah melepas kadar pertumbuhan nasional 0.5 peratus. Tiga negeri yang mencatatkan peratusan penduduk tertinggi pada 2025 ialah Selangor (21.6%) diikuti Johor (12.3%) dan Sabah (11.0%). Sebaliknya, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya mencatatkan peratusan penduduk terendah iaitu masing-masing 0.3 peratus dan 0.4 peratus.

Komposisi penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda) pada 2025 menurun kepada 21.6 peratus berbanding 22.2 peratus pada 2024. Sebaliknya, komposisi penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja) meningkat daripada 70.2 peratus pada 2024 kepada 70.4 peratus pada 2025. Peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 7.6 peratus kepada 8.0 peratus bagi tempoh yang sama. Umur penengah penduduk Malaysia mencecah 31.3 tahun pada 2025 iaitu meningkat daripada 30.9 tahun berbanding tahun sebelum.

Komposisi penduduk Warganegara pada 2025 meningkat kepada 90.1 peratus (2025) daripada 90.0 peratus. Sementara itu, komposisi penduduk Bukan Warganegara menurun daripada 10.0 peratus kepada 9.9 peratus bagi tempoh yang sama.

Bumiputera menyumbang 70.5 peratus daripada 30.9 juta Warganegara pada 2025 (2024: 70.3%). Walau bagaimanapun, komposisi Cina menurun kepada 22.2 peratus (2024: 22.4%), manakala India dan Lain-lain masing-masing kekal pada 6.5 peratus dan 0.8 peratus.

Pada 2025, bilangan lelaki melebihi perempuan iaitu masing-masing 18.0 juta dan 16.3 juta. Nisbah jantina bagi keseluruhan penduduk adalah 110 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Bagi tempoh 2024-2025, nisbah jantina Warganegara menurun kepada 102 lelaki bagi setiap 100 perempuan, manakala bagi Bukan Warganegara kekal pada

228 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Secara keseluruhan, kesemua negeri di Malaysia mencatatkan bilangan lelaki melebihi perempuan kecuali bagi negeri Perlis (99) dan W.P. Putrajaya (97). Negeri-negeri yang mencatatkan nisbah jantina melebihi purata nasional (110) termasuk W.P. Kuala Lumpur dengan 117 lelaki bagi setiap 100 perempuan diikuti oleh Johor (116), Selangor (114), Pahang (114) dan Melaka (112).

W.P. Putrajaya mencatatkan komposisi penduduk muda (0-14 tahun) tertinggi pada 2025 dengan 33.3 peratus. Manakala W.P. Kuala Lumpur mencatatkan komposisi penduduk umur bekerja (15-64 tahun) tertinggi iaitu 76.1 peratus.

Seiring dengan pertambahan penduduk, kepadatan penduduk Malaysia juga telah meningkat kepada 104 orang (2025) berbanding 103 orang bagi setiap kilometer persegi pada tahun 2024. W.P. Kuala Lumpur kekal sebagai negeri paling padat dengan 8,546 orang bagi setiap kilometer persegi, diikuti oleh W.P. Putrajaya (2,450 orang) dan Pulau Pinang (1,749 orang). Sarawak mempunyai kepadatan penduduk terendah dengan 20 orang bagi setiap kilometer persegi, diikuti oleh Pahang (46 orang) dan Sabah (51 orang).

Berdasarkan Unjuran Penduduk, 2020-2060, penduduk Malaysia dijangka mencapai kemuncak 42.38 juta orang pada 2059, sebelum menurun secara perlahan bermula 2060 (42.37 juta), 2065 (42.08 juta) dan 2070 (41.43 juta). Penduduk Kelantan dan Terengganu dijangka terus meningkat sepanjang tempoh 40 tahun sehingga 2060 berikutan Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) negeri-negeri ini yang kekal di atas paras penggantian (2.1). Selangor dijangka kekal sebagai negeri paling ramai penduduk pada 2060 dengan 8.10 juta orang, diikuti Johor (4.99 juta) dan Sabah (4.89 juta). Sembilan negeri dijangka mencapai kemuncak penduduk lebih awal sebelum Malaysia (2059), iaitu W.P. Kuala Lumpur (2031), Pulau Pinang (2040), W.P. Labuan (2041), Selangor (2049), Johor dan Kedah (2052), Negeri Sembilan (2054) serta Perlis dan Sarawak (2055).

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 31 Julai 2025

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 31 Julai 2025

Carta 1: Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Malaysia, 2021-2025




Jadual 1: Bilangan dan kadar pertumbuhan tahunan penduduk mengikut negeri, Malaysia, 2024 dan 2025


Negeri	Bilangan penduduk (juta)		Kadar pertumbuhan tahunan (%)	
	2024	2025 ^p	2024	2025 ^p
Malaysia	34.1	34.2	1.9	0.5
Johor	4.2	4.2	1.9	0.5
Kedah	2.2	2.2	1.3	0.5
Kelantan	1.9	1.9	1.5	1.0
Melaka	1.0	1.1	1.8	0.6
Negeri Sembilan	1.2	1.2	1.2	0.4
Pahang	1.7	1.7	1.5	0.6
Perak	2.6	2.6	1.1	0.2
Perlis	0.3	0.3	1.3	0.3
Pulau Pinang	1.8	1.8	1.6	0.2
Sabah	3.7	3.8	4.0	0.5
Sarawak	2.5	2.5	0.6	0.5
Selangor	7.4	7.4	2.1	0.6
Terengganu	1.2	1.2	1.8	1.2
W.P. Kuala Lumpur	2.1	2.1	3.0	0.3
W.P. Labuan	0.1	0.1	1.8	0.1
W.P. Putrajaya	0.1	0.1	1.2	0.4

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 31 Julai 2025

Carta 2: Komposisi penduduk Bukan Warganegara, Malaysia, 2014-2025




Carta 3: Peratusan penduduk mengikut kumpulan umur dan negeri, Malaysia, 2025



Jadual 2: Nisbah jantina dan kepadatan penduduk mengikut negeri, Malaysia, 2024 dan 2025

Negeri	Nisbah jantina		Kepadatan penduduk (km ²)	
	2024	2025 ^p	2024	2025 ^p
Malaysia	111	110	103	104
Johor	116	116	218	219
Kedah	104	104	233	234
Kelantan	101	101	126	127
Melaka	112	112	596	600
Negeri Sembilan	108	108	185	185
Pahang	114	114	46	46
Perak	110	109	122	122
Perlis	99	99	364	365
Pulau Pinang	105	105	1,746	1,749
Sabah	109	109	50	51
Sarawak	107	106	20	20
Selangor	115	114	927	933
Terengganu	106	106	95	96
W.P. Kuala Lumpur	117	117	8,518	8,546
W.P. Labuan	106	106	1,100	1,102
W.P. Putrajaya	98	97	2,439	2,450

Carta 4: Bilangan penduduk mengikut negeri, Malaysia, 1970-2070



Sumber: Unjuran Penduduk, Malaysia, 2020-2060

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 JULAI 2025**

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

CURRENT POPULATION ESTIMATES, MALAYSIA, 2025

MELAKA, PAHANG AND W.P. KUALA LUMPUR HAVE JOINED NINE OTHER AGEING STATES

PUTRAJAYA, 31 July 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the statistics on the **Current Population Estimates, Malaysia, 2025** today. This report presents the population estimates in Malaysia for 2024 and 2025. The annual current population estimates are based on the Population and Housing Census Malaysia, 2020. The population estimates adopt cohort-component method which comprise births, deaths and migration.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's total population in 2025 is estimated at 34.2 million as compared to 34.1 million in 2024 with a growth rate of 0.5 per cent. The Citizens population increased from 30.7 million in 2024 to 30.9 million in 2025 with the growth rate lowering from 0.7 per cent to 0.6 per cent. Similarly, Non-citizens showed the same trend with growth rate of -0.5 per cent in 2025 as compared to 13.6 per cent in 2024".

Chief Statistician Malaysia further commented, "12 states in Malaysia have reached ageing state status with the latest additions in 2025 being Melaka (7.3%), Pahang (7.1%) and W.P. Kuala Lumpur (7.1%). Perak remains as the leading state with the highest percentage of elderly population at 10.3 per cent. A state is considered ageing when the population aged 65 and over exceeds 7 per cent of its total population".

Five states namely Terengganu (1.2%), Kelantan (1.0%), Pahang (0.6%), Selangor (0.6%) and Melaka (0.6%) have surpassed the national growth rate of 0.5 per cent. The three states with the highest population percentage in 2025 are Selangor (21.6%), followed by Johor (12.3%) and Sabah (11.0%). In contrast, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya recorded the lowest population percentage at 0.3 per cent and 0.4 per cent respectively.

The composition of the population aged 0-14 years (young age) in 2025 decreased to 21.6 per cent as compared to 22.2 per cent in 2024. On the other hand, the composition of population aged 15-64 years (working age) increased from 70.2 per cent in 2024 to 70.4 per cent in 2025. The percentage of the population aged 65 years and over (old age) increased from 7.6 per cent to 8.0 per cent over the same period. The median age of Malaysia's population reached 31.3 years in 2025, up from 30.9 years in the previous year.

The composition of Citizens in 2025 increased to 90.1 per cent from 90.0 per cent (2024). Meanwhile, Non-citizens decreased from 10.0 per cent to 9.9 per cent over the same period.

Bumiputera accounted 70.5 per cent out of 30.9 million Citizens in 2025 (2024: 70.3%). Nevertheless, the composition of the Chinese decreased to 22.2 per cent (2024: 22.4%), meanwhile Indians and Others remained at 6.5 per cent and 0.8 per cent respectively.

In 2025, the male population stood at 18.0 million, outnumbering females at 16.3 million. The overall sex ratio was 110 males for every 100 females. For the period of 2024-2025, the sex ratio among Citizens decreased to 102 males per 100 females, while the ratio for Non-citizens remained high at 228 males per 100 females. Overall, all states in Malaysia recorded more males than females, except for Perlis (99) and W.P. Putrajaya (97). States with sex ratio exceeding the national average (110) include W.P. Kuala Lumpur (117), Johor (116), Selangor (114), Pahang (114) and Melaka (112).

W.P. Putrajaya recorded the highest composition of young age population (0-14 years) in 2025 at 33.3 per cent. Meanwhile, W.P. Kuala Lumpur recorded the highest share of

working age population (15-64 years) with 76.1 per cent.

As Malaysia's population continues to grow, the population density increased to 104 persons per square kilometre in 2025, compared to 103 persons in 2024. W.P. Kuala Lumpur remained the most densely populated state with 8,546 persons per square kilometre, followed by W.P. Putrajaya (2,450 persons) and Pulau Pinang (1,749 persons). Sarawak has the lowest population density with 20 persons per square kilometre, followed by Pahang (46 persons) and Sabah (51 persons).

Based on Population Projection, 2020-2060, Malaysia's population is projected to reach its peak of 42.38 million in 2059, before slowly declining starting 2060 (42.37 million), 2065 (42.08 million) and 2070 (41.43 million). The population of Kelantan and Terengganu are projected to continuously increase over the 40-years period up to 2060 as their Total Fertility Rate (TFR) remained above replacement level (2.1). Selangor is projected to remain the most populous state in 2060 with 8.10 million, followed by Johor (4.99 million) and Sabah (4.89 million). Nine states are expected to reach their peak population before Malaysia (2059) and the states include W.P. Kuala Lumpur (2031), Pulau Pinang (2040), W.P. Labuan (2041), Selangor (2049), Johor & Kedah (2052), Negeri Sembilan (2054), and Perlis & Sarawak (2055).

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.


The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 31 July 2025

World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme ‘Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone’.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Number and annual population growth rate, Malaysia, 2021-2025



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 31 July 2025

Table 1: Number and annual growth rate of population by state, Malaysia, 2024 and 2025

State	Number of population (million)		Annual growth rate (%)	
	2024	2025 ^p	2024	2025 ^p
Malaysia	34.1	34.2	1.9	0.5
Johor	4.2	4.2	1.9	0.5
Kedah	2.2	2.2	1.3	0.5
Kelantan	1.9	1.9	1.5	1.0
Melaka	1.0	1.1	1.8	0.6
Negeri Sembilan	1.2	1.2	1.2	0.4
Pahang	1.7	1.7	1.5	0.6
Perak	2.6	2.6	1.1	0.2
Perlis	0.3	0.3	1.3	0.3
Pulau Pinang	1.8	1.8	1.6	0.2
Sabah	3.7	3.8	4.0	0.5
Sarawak	2.5	2.5	0.6	0.5
Selangor	7.4	7.4	2.1	0.6
Terengganu	1.2	1.2	1.8	1.2
W.P. Kuala Lumpur	2.1	2.1	3.0	0.3
W.P. Labuan	0.1	0.1	1.8	0.1
W.P. Putrajaya	0.1	0.1	1.2	0.4

Chart 2: Composition of Non-citizens, Malaysia, 2014-2025




Chart 3: Percentage of population by age group and state, Malaysia, 2025





Table 2: Sex ratio and population density by state, Malaysia, 2024 and 2025

State	Sex ratio		Population density (km ²)	
	2024	2025 ^p	2024	2025 ^p
Malaysia	111	110	103	104
Johor	116	116	218	219
Kedah	104	104	233	234
Kelantan	101	101	126	127
Melaka	112	112	596	600
Negeri Sembilan	108	108	185	185
Pahang	114	114	46	46
Perak	110	109	122	122
Perlis	99	99	364	365
Pulau Pinang	105	105	1,746	1,749
Sabah	109	109	50	51
Sarawak	107	106	20	20
Selangor	115	114	927	933
Terengganu	106	106	95	96
W.P. Kuala Lumpur	117	117	8,518	8,546
W.P. Labuan	106	106	1,100	1,102
W.P. Putrajaya	98	97	2,439	2,450

Chart 4: Number of population by state, Malaysia, 1970-2070



Source: Population Projections, Malaysia, 2020-2060

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
31 JULY 2025**